

Adat Istiadat Dalam Adat Perpatih: ADAT ISTIADAT MENJEMPUT DATUK LEMBAGA YANG TELAH KEMATIAN ISTERI -

Oleh: A. RAHIM BIN HAJI ISMAIL PJK

Dalam terasul Adat Perpatih ada perbilangan yang menyatakan apabila seseorang itu kematian isteri:

*Malang nang menimpa;
Ibarat ke laut pecah perahu
Ibarat ke darat pecah periok
Maka singkat langkah pendek umur,
Nang mati sama ditanam
Nang hidup sama dipelihara,
Mati bini tinggal ke laki
Mati laki tinggal ke bini,
Mengikut Adatnya:
Nang pergi pandang belakang
Nang tinggal pandang hadapan,
Hati nang suci muka nang jernih.*

Perbilangan di atas adalah menjadi dasar atau pokok utama dalam Adat Istiadat "Menjemput Suami Yang Kematian Isteri". Ini perlu diadakan kerana semasa perkahwinan mula-mula dahulu, si suami "Datang Menjemput" dan "Pulangnya dihantar" pula kerana "Anak buah nak pulang ke waris".

Sebagaimana yang kita maklum Adat Perpatih adalah merupakan satu peraturan hidup untuk kepentingan bersama dalam segala hal kehidupan. Adat ini tidak mempunyai bentuk atau erti tetap seperti undang-undang, malah memang ia tidak dimaksudkan sedemikian:

*Lain padang lain belalang
Lain lubuk lain ikannya,*

Mengenai peraturan adat ini nyata sekaliterdapat barisasi-variasi di luak-luak dalam negeri ini. Ini bukan bermakna penganut-penganut Adat Perpatih keliru tentang adat ini. Perkara ini adalah suatu perkara yang wajar kerana kita boleh membuat interpertasi yang berlainan seta menambah unsur-unsur yang sesuai dengan keadaan setempat asalkan kita tidak lari dari kehendak atau tujuan sebenar beradat, sebab adat itu sendiri,

*Kok Adat sudah beratur
Kok Bilang sudah bertentu.*

Pada hari Ahad 24 Februari, 1991 yang lalu, telah diadakan satu Kerapatan bagi "Menjemput Lembaga Yang Kematian Isteri" di kediaman Dato' Komo Tanah Mengandung Jempol. Istiada yang sebegini memang jarang-jarang dapat kita saksikan pada masa ini. Kita akan dapat menyaksikannya apabila berlaku kematian sahaja.

Allahyarhamah Puan Hajah Rokiah binti Abdul Rahman (58 tahun) isteri kepada Datuk Komo Haji Duaji bin Bakar, dari Suku Tiga Nenek dalam Luak Jempol telah meninggal dunia pada 18 Disember, 1990 yang lalu.

*Hari ini genaplah bilangan tiga hari
Kerabat semua sudah berkampung
Sahaya (saya) pun sudah datang
Adalah cinta bawaan,
Isyarat saya cicir memungut
Hilang mencari:
Ibarat belut nak pulang ke lumpur
Ibarat sirih nak pulang ke gagang
Ibarat pinang dan pulang ke tampuk
Ibarat gagak nak pulang ke benua
Anak buah nak pulang ke waris
Pesaka nak pulang ke Soko*



Encik Hashim Mohamad (bersongkok) Buapak dari Suku Mungkal menyampaikan sembah Adat Menjemput kepada Tuan Haji Kassim bin Fajar, Buapak Suku Tiga Nenek untuk memulakan istiadat. Diperhatikan oleh kedua-dua Datuk Lembaga dari dua belah pihak.

dan disudahi dengan kias atau pantun yang berbunyi:

*Rama-rama si kumbang janti,
Patah elah turun berkuda;
Patah tumbuh hilang berganti
Adat pesaka begitu jua.*

Semua hal yang diatas adalah mengikut yang idealnya. Tetapi sekarang ini banyak diadakan dengan ringkas sahaja: "singkap daun ambil buahnya sahaja".

Bagi menjemput seseorang lembaga yang kematian isterinya pula, cara mengadakan Kerapatan Menjemputnya adalah berbeda sama sekali. Masa dan tarikh tidak ditetapkan dengan khusus. Hari menjalankan adat istiadat ini pula mestilah pada waktu siang sahaja. Lembaga mestilah dijemput oleh Lembaga juga.

Sebelum diadakan kerapatan menjemput Datuk Komo Haji Duaji bin Bakar dari Suku Mungkal pada 24 Februari, 1991 yang lalu, perundingan dan perbincangan telah diadakan dengan orang Besar Adat dari suku ini, diketuai oleh Buapaknya, Baginda Abd. Jalil bin Haji Mohamad; Orang Besar Istana, Laksamana Daud bin Mohd. Dom; Waris Soko (kakak kepada Datuk Komo) dengan pengetahuan Datuk Komo sendiri. Hal ini tertakluk kepada perbilangan:

*Maka gaduhlah waris lelaki
Serta waris bini,
Nang jauh sama dijemputkan
Nang dekat sama dikampungkan;
Kemudian nang jauh dah datang
Nang dekat dah terkampung
Sampai harinya nak kenduri jua
Pesaka nak pulang ke Soko.*

Setelah persetujuan dicapai, hari dan masa telah ditetapkan, hal menjemput ini telah disampaikan kepada sebelah pihak isteri, iaitu Lembaga, Buapak, Orang Besar Istana dan Waris Soko suku Tiga Nenek.

Pihak yang diberitahu, iaitu dari Suku Tiga Nenek, berunding dan bermuafakat pula dalam suku mereka.

Tarikh mengadakannya disampaikan kepada semua anak buah kedua-dua belah pihak dan mereka nanti akan sama-sama menjayakan istiadat ini. Inilah bak kata pepatah:

*Muafakat lalu di dalam gelap
Adat lalu di tengah terang,
Ibu adat muafakat
Adat bertanda
Hukum bersaksi,
Datang berjemput
Pulang berhantar.*

Perlu dinyatakan dalam adat menjemput ini, yang dijemput adalah Pesaka Datuk Lembaga itu, bukan batang tubuhnya. Hal ini adalah amat simbolik sifatnya. Pesaka yang dijemput itu ialah:

1. *Sesalinan Baju Melayu berwarna hitam.*
2. *Sebilah Keris Pesaka*
3. *Dester atau songkok*
4. *Duit Istiadat \$7.20 sen.*

Selepas acara majlis kerapatan ini, Datuk Lembaga yang dijemput boleh memilih sama ada mahu tinggal di kediaman atau di rumah telapaannya, iaitu rumah ibu atau kakaknya. keadaan pada masa ini adalah berlainan kerana rumah yang didirikan ialah kepunyaan Datuk Lembaga sendiri, sehinggalah dia berkahwin lain. Barulah dia pindah.

Pada hari yang dinyatakan, rumah kediaman Datuk Komo Duaji bin Bakar telah terlebih dahulu diperlempangkan dengan sepatutnya di serambi rumah:

Datuk Komo Haji Duaji bin Bakar "dihantar pulang" ke rumah telapaanny.

Beliau diiringi oleh semua anak buahnya hingga ke pintu pagar, bersama dengan persalinan. Sampai di pintu pagar, keris pesaka dan alat kebesaran dipulangkan semula kepada telapaan. Ini bermakna rumah Datuk Lembaga sekarang ini bukan rumah Datuk Lembaga lagi.

*Sudah terdendeng rupanya tabir lingkungan
Sudah terbentang langit-langit
Sudah bertimpuh tilam pandak
Sudah tersedia adat nan pesaka.*



Puan Sharifah binti Ghaffar - Ibo Soko dari Suku Mungkal, menerima persalinan dan adat pesaka Datuk Lembaganya di dalam tudung saji yang ditelentangkan dari Ibu Soko Suku Tiga Nenek, Puan Meah.

Tiga perut dari Suku Mungkal, iaitu dari Kampung Bintungan, Kampung Pauh dan Kampung Keru, serta anak-anak buah waris dari kampung-kampung bedekatan, terlebih dahulu berkumpul di rumah Waris Soko, dengan membawa buah tangan seperti wajid, dodol, bahu dan kuih muih yang lainnya untuk dimakan bersama nanti.

Di pihak Suku Tiga Nenek pula telah terlebih dahulu membuat persiapan di rumah kediaman seperti menyediakan tempat kerapatan, makan minum untuk jamuan selepas Adat Menjemput dijalankan. Datuk Komo Haji Duaji bin Bakar dan orang-orang Besar Adat tempat dia menyemenda bersama anak-anak buah Suku Tiga Nenek menunggu akan kedatangan dari puak Suku Mungkal. Kedua-dua Datuk Lembaga duduk di tempat yang dikhaskan di hujung serambi sebelah menyebelah di tilam pandak tiga berompok. Di antara mereka telah disediakan sebuah tudung saji yang sengaja ditelentangkan yang memuatkan semua peralatan Adat Pesaka sebagai pengganti batang tubuh Datuk Lembaga yang dijemput. Dari sinilah timbul perbilangan:

*Lembaga yang tiba
Lembaga yang menanti*

Setelah sedia semua, maka lebih kurang pada pukul sepuluh pagi, pihak Suku Mungkal turunlah dari Waris Soko mereka ke rumah tempat diadakan majlis. Buapak membawa bujam, Waris Soko membawa tepak sirih serta diiringi oleh semua anak-anak buahnya. Bila berada di serambi rumah, mereka duduk mengikut protokol yang telah ditetapkan (sila lihat gambarajah yang disertakan).

Buapak dari Suku Mungkal terus memulakan majlis, apabila semua anak-anak buahnya mengambil tempat dan meletakkan buah tangan yang dibawa. Buapak Suku Mungkal menyembahkan bujam kepada Buapak Suku Tiga Nenek dengan pantun:

*Makan sirih berpinang tidak
Pinang ada dari Mesuba,
Makan sirih mengenyang tidak
Tegal dek budi dengan bahasa.*

Sementara itu pula Waris Soko pula menyorongkan tepak sirih kepada pihak Suku Tiga Nenek untuk dimakan bersama. Dan selepas itu barulah dimulakan kata-kata peradatan. Perlu diingat mereka yang memainkan peranan utama dalam majlis ini ialah Buapak dan Waris Soko dari kedua pihak. Yang lain-lain itu hanya sebagai saksi dan penonton selain dari memeriahkan majlis kerapatan itu. Setelah memakan sekapur sirih oleh Buapak Suku Tiga Nenek, barulah Buapak Suku Mungkal memulakan percakapan:

*"Kedatangan kami sehari ini
Bak kata orang:
Cincang berlandasan
Kata bertumpuan,
Jadi pada Datuklah
Kami bertumpuan"*

Lalu disambung lagi kata perbilangan beradatan, setelah berhadapan dan bersemuka:

*"Kedatangan kami ada kalanya berjalan saja
Ada kalanya membawa hajat serta niat
Kami turun dari rumah yang berkotak tangga
Maka terlangkah tangga yang bongsu
Diserukanlah untung baik dan tuah."
Tapi kali ini,
Malang sudah menimpa
Kalau ke laut pecah perahu
Kalau ke darat pecah periok
Kalau cicir hendak dipungut
Kalau hilang hendak dicari
Kalau sirih pulang ke gagang
Kalau pinang pulang ke tampuk
Kalau kerbau pulang ke kandang
Kalau belut pulang ke lumpur,
Manusia pulang pada warisnya
Kalau datang nampak muka
Kalau pergi nampak belakang,
Tergawa mati tanda berhutang
Bukan hutang padi bersukat
Bukan hutang kain berhasta
Bukan hutang ringgit berbilang,
Hutang adat dengan pesaka
Hutang budi dengan bahasa..*

Kata peradatan ini kemudian dibalas oleh Buapak Suku Tiga Nenek, bagi pihak yang menanti.

*Untung sudah melambung
Malang sudah menimpa
Kalau ke laut pecah perahu
Kalau ke darat pecah periok,
Kalau cicir akan dipungut
Kalau hilang akan dicari,
Manusia pulang warisnya;*

Jadi bagi pihak kami dari Suku Tiga Nenek ini, kami benarkan:

*"Yang dijemput akan pulang
Yang tinggal berhati walang".*

Dengan kata-kata yang demikian selesailah kata-kata perbilangan yang dilafazkan dari Buapak-buapak kedua pelah pihak. Izin telah diberi untuk melepaskan Datuk Lembaga balik ke telapannya.

Selepas itu, Buapak Suku Tiga Nenek akan menyerahkan pula tudung saji yang terlentang yang termuat Pesaka Datuk Komo kepada Waris Sokonya untuk disampaikan kepada pihak Waris Soko Suku Mungkal. Kenapa tudung saji ini ditelentangkan? Ianya amat simbolik sekali maknanya:

*Yang baik tertutup
Yang sedih ditelentangkan.*



Datuk Komo Haji Dauji bin Bakar "dihantar pulang" ke rumah telapaannya. Beliau diiringi oleh semua anak buahnya hingga ke pintu pagar, bersama dengan persalinan. Sampai di pintu pagar, keris pesaka dan alat kebesaran dipulangkan semula kepada telapaan. Ini bermakna rumah Datuk Lembaga sekarang ini bukan rumah Datuk Lembaga lagi.

Waris-Soko Suku Tiga Nenek: "Inilah tanda pesaka "intan payung" "Suku Mungkal" sambil menyerahkan tudung saji yang terlentang kepada Waris Soko Suku Mungkal: "Kami terimalah". Kemudian tudung saji yang terlentang yang diisi dengan alat kebesaran lembaga itu kepada Telapaan (dalam hal ini tempat Datuk Lembaga di rumah dia turun kahwin dahulu) iaitu kepada kakak Datuk Komo Haji Duaji.

Selepas dua acara yang dinyatakan tadi, dimintalah Tok Guru atau Tok Alim yang hadir untuk membaca doa selamat. Selepas doa maka diadakan sedikit jamuan.

Sesudah makan atau menikmati jamuan yang dihidangkan, semua anak buahnya menyembah salam pada Datuk-datuk Lembaga dan kemudian terus turun dahulu berbaris hingga ke pintu pagar. Kakak telapaan Datuk Komo menyerahkan semula alat kebesaran lembaga kepada Waris Soko serta mengiringinya turun ke tanah.

Waris Soko mengeluarkan keris pesaka dari tudung saji yang terlentang tadi sehingga sampai ke pintu pagar dan kemudian diserahkan kembali kepada waris telapaan.

Rumah Datuk Komo Duaji Bakar sekarang ini bukan lagi "Rumah atau Kediaman Lembaga" kerana pesaknya telah dibawa balik ke rumah waris telapaannya.

Itulah idealnya yang terdapat dalam adat istiadat Adat Perpatih ini. Ianya dilakukan dengan tertib dan teratur sekali. Diharaplah dengan artikel ini supaya ianya tidak diabaikan:

*Sekacip pinang sekapur sirih,
Buat hidangan Paduka Tuanku;
Usah dibuang Adat Perpatih,
Pusat moyang sejak dahulu.*

NOTA TAMBAHAN:

1. Perbilangan di dalam Adat Perpatih bolehlah disifatkan sebagai satu permainan kesenian dan juga untuk melengah-lengahkan masa untuk mengupas sesuatu perkara yang mudah dan singkat. Dalam masa memperkatakan perbilangan adat ini seharusnya dilakukan dengan sopan santun dan berbudi bahasa. Tetapi jika pihak sebelah yang satu lagi itu tidak begitu mahir akan perbilangan adat, tidaklah perlu digunakan, eloklah ambil jalan singkat sahaja iaitu 'singkap daun ambil buah sahaja'.
2. Sekarang ini kata perbilangan ini amat jarang sekali digunakan semasa menjemput orang semenda kematian isteri, kerana adalah ditakuti akan menambah sedih kepada yang dijemput dan anak-anaknya atau saudar-saudara yang terdekat. Memadailah anak-anak buah datang beramai-ramai meraikan sahaja.
3. Pada Jumaat 12 April 1991 yang lalu, Datuk Komo Haji Duaji bin Bakar (67 tahun) telahpun bernikah dengan isteri barunya Puan Faridah bte Haji Zainal (44 tahun) di Kampung Terentang, Padang Lebar. Istiadat kerapatan dan majlis silaturrahim untuk memperkenalkan isteri barunya kepada semua anak-buahnyanya telahpun diadakan pada hari raya Aidilfitri ketiga pada 18.4.1991. Sekarang ini mereka telah berpindah rumah dan tinggal di kawasan Desa Permai di Juasseh, Kuala Pilah.


Mengikut peraturan Adat Berlembaga, anak buah dari sukunya diminta datang menziarahi Datuk Lembaga mereka pada hari kedua Hari Raya Aidil Fitri setiap tahun sebagai tanda mengakui "Kebesaran Lembaganya itu".

Rujukan:

1. Catatan yang dirakam oleh penulis pada hari 'Adat Istiadat' Menjemput Datuk Lembaga Yang Kematian Isteri - 24.2.1991
2. Penerangan lanjut dari Datuk Komo Haji Duaji bin Bakar - Lembaga Suku Mungkal dalam satu temuramah selepas istiadat itu diadakan pada Selasa 26.2.1991 di rumah beliau di Kampung Keru, Mukim Hulu Jempol.
3. Dari buku stendilan yang berjudul: 'Sejarah Luak Jempol dan Adat Istiadatnya' yang ditulis oleh Datuk Komo Haji Duaji bin Bakar. Beliau sendiri adalah Setiausaha Adat Istiadat Luak Jempol.
4. Sambaan Cakap dan Pepatah Adat Melayu - karangan Mohamed Din bin Ali - 1957.

Rajah 1

Di serambi atau verendah rumah: Persiapan tempat dan kedudukan tempat ketika dijalankan Adat Istiadat Menjemput Datuk Lembaga Yang Kematian Isteri.



Graf: ARBI